



PERKEMBANGAN PENGAJIAN ILMU *MUKHTALIF AL-ḤADĪTH*: KAJIAN KETOKOHAN AL-MARBAWI

(The Development of the Study of ‘Ilm Mukhtalif al-Ḥadīth: An Analytical Study of al-Marbāwī's Scholarly Contributions)

Mohd Solleh Ab Razak¹, Mohd Nor Adzhar Ibrahim², Khairol Ikhwan @ Mohd Fithri Khoza³

^{1,3} *Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah*, ² *Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia*

Abstract

Mukhtalif al-ḥadīth is one of the crucial branches in the science of hadis, as it serves as a tool for resolving apparent contradictions in hadis. Recognizing its importance, Muhammad bin Idris al-Marbawi, a renowned scholar of hadis in the Malay Archipelago, dedicated special attention to discussing this discipline in his works. His ability to resolve contradictions between hadiss highlighted his expertise in the science of mukhtalif al-ḥadīth. Thus, this study aims to examine the development of al-Marbawi's contributions to the study of mukhtalif al-ḥadīth. To achieve this objective, a qualitative research method was employed through a literature review. Information related to al-Marbawi's contributions in the field of mukhtalif al-ḥadīth was collected and analyzed using inductive and deductive methods. The findings of this study reveal that al-Marbawi's journey in seeking knowledge, coupled with his diligence in mastering the science of mukhtalif al-ḥadīth, qualified him to be recognized as a prominent hadis scholar. From the outset, he received systematic education in hadis studies at Pondok Tuan Hussain Kedah before pursuing further studies in mukhtalif al-ḥadīth at Al-Azhar University. In Egypt, Al-Marbawi also engaged in informal studies through talaqqi sessions at mosques around Cairo to broaden his existing knowledge spectrum. Among al-Marbawi's key teachers who significantly influenced his prominence in the field of mukhtalif al-ḥadīth were Muḥammad bin Ibrāhīm al-Samālūtī, Muḥammad ‘Alī al-Mālikī, and Yūsuf al-Ḥāwī.

Keywords: *Al-Marbawi, Ulum al-Hadis, Mukhtalif al-Hadis, Muslim Scholar, Malay Archipelago.*

Article Progress

Received: 12 January 2025

Revised: 24 March 2025

Accepted: 10 April 2025

*Corresponding Author:

Mohd Nor Adzhar Ibrahim.
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM.

Email:

mnor.adzhar@usim.edu.my

PENDAHULUAN

Ketokohan al-Marbawi sebagai salah seorang ilmuan yang banyak menabur jasa diakui oleh para ilmuan dan masyarakat di Malaysia. Jasa besar beliau jelas kelihatan melalui pelbagai karya yang dihasilkan dalam pelbagai seni ilmu terutamanya ilmu hadis.¹ Hasilnya, beliau berjaya memenuhi kekosongan karya asli dalam bidang ilmu hadis di rantau ini.² Keilmuan dan ketokohan beliau mendapat pengiktirafan Universiti Kebangsaan Malaysia apabila beliau dikurniakan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan Universiti Kebangsaan Malaysia pada 5 Julai 1980. Demikian juga beliau dianugerahkan Anugerah Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan pada 1 Muharram 1408H/1987M dan Tokoh Anugerah Penulis Pentas Perak pada 28 Febuari 2004, iaitu 15 tahun selepas kematiannya.³

¹ Mohd Solleh Ab Razak & Roshimah Shamsudin 2021. Ketokohan Al-Marbawi: Analisis Perkembangan Pengajian Ilmu Hadis. *‘Abqari Journal*. 25, 1 (Sep. 2021), 171. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol24no2.388>

² Anwar Ridwan bin Zakaria 2007, “Kitab Idangan Guru Sahih Al-Bukhari Wa Muslim Karangan Idris al-Marbawi: Kajian Metodologi Penghuraian Hadis,” tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 116. Khadher bin Ahmad, Sedek bin Ariffin dan Munirah @ Monika Abdul Razak 2011, “Kejuhudan Sheikh Idris al-Marbawi Dalam Usaha Menghasilkan Tafsir Quran al-Marbawi,” *Proceedings of The International Qur'anic Conference*, Universiti Malaya, 11-12 Januari 2011), 4.

³ Faisal Ahmad Shah 2013, *Biografi Ulama Malaysia Mohamed Idris al-Marbawi Penulis Karya Agung Bahr Al-Madhi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 34-38.

Selain itu, kajian akademik terhadap karya-karya beliau turut dijalankan oleh ramai pengkaji pada peringkat sarjana dan doktor fasafah atau jurnal akademik. Menurut Faisal Ahmad Shah, karya *Baḥr al-Mādhī* berjaya menonjolkan diri al-Marbawi sebagai seorang ulama Nusantara yang memberikan sumbangan besar dalam bidang pangajian hadis, sekalipun ketika itu penulisan hadis tidak banyak dihasilkan berbanding bidang-bidang yang lain.⁴ Selain karya tersebut, karya *Idangan Guru Ṣaḥīḥ al-Bukhārī wa Muslim* turut mendapat perhatian para pengkaji. Menurut Anwar Ridwan, karya tersebut berjaya mengemukakan pelbagai hujah dan nas terhadap pelbagai persoalan yang melanda masyarakat ketika itu. Hasilnya, karya tersebut mengeluarkan masyarakat daripada *taqlīd* buta dan melahirkan masyarakat yang berfikiran kritis.⁵ Di samping itu, karya-karya yang beliau hasilkan melonjakkan namanya sehingga digelar sebagai *al-Muḥaddith al-Mālīzī* iaitu pakar hadis Malaysia.⁶

Sejajar dengan gelaran *al-Muḥaddith al-Mālīzī*, selayaknya seseorang menguasai pelbagai cabang ilmu hadis. Antara cabang paling penting ialah *mukhtalif al-ḥadīth*. Berhubung hal ini, al-Marbawi didapati turut memberikan perhatian khusus terhadap perbincangannya dalam karya-karya beliau.⁷ Hal ini jelas kelihatan apabila karya *Baḥr al-Mādhī* yang mensyarahkan *Jāmi‘ al-Tirmidhī* telah mengemukakan perbincangan berkaitan *mukhtalif al-ḥadīth*. Sekalipun al-‘Āmūdī mengemukakan 84 permasalahan *mukhtalif al-ḥadīth* yang dikenal pasti dikemukakan oleh al-Tirmidhī dalam pelbagai bab,⁸ namun dalam *Baḥr al-Mādhī*, al-Marbawi mengemukakan 105 permasalahan termasuk permasalahan yang tidak dikemukakan oleh al-Tirmidhī, tetapi beliau kemukakannya dalam perbincangan syarahan hadis.⁹ Perbincangan ilmu ini bukan sekadar dalam *Baḥr al-Mādhī*, bahkan turut dibincangkan dalam karya hadis yang lain seperti *Idangan Guru Sahih al-Bukhari wa Muslim*¹⁰ dan *Bulūgh al-Marām Serta Terjemahan Melayu*.¹¹

Penulisan karya oleh seseorang tokoh adalah salah satu bentuk sumbangannya terhadap dunia keilmuan dan merupakan legasi yang ditinggalkan kepada umat Islam terkemudian. Pada masa yang sama, karya-karya yang ditinggalkan ini menjadi manifestasi diri pengarang yang mencerminkan ketokohan, nilai keilmuan dan manhaj penulisan ilmiah yang diamalkan oleh pengarang itu sendiri.¹² Justeru, berdasarkan penglibatan al-Marbawi dalam mengemukakan penyelesaian terhadap hadis-hadis yang bercanggah dalam sesuatu permasalahan berdasarkan ilmu *mukhtalif al-ḥadīth*, ia memperlihatkan ketokohan dan keilmuan al-Marbawi dalam memberi sumbangan besar terhadap ilmu *mukhtalif al-ḥadīth*. Walaupun demikian, timbul permasalahan berkaitan latar belakang al-Marbawi dalam membina keilmuan dan ketokohan beliau dalam ilmu *mukhtalif al-ḥadīth* sehingga beliau mampu mengemukakan perbincangannya tatkala menghuraikan karya-karya utama hadis seperti *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ*

⁴ Faisal Ahmad Shah 2007, “*Metodologi Penulisan Mohamed Idris al-Marbawi dalam Baḥr al-Madhī*”, tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 454.

⁵ Anwar Ridwan bin Zakaria 2007, *Kitab Idangan Guru*, 224.

⁶ Mesbahul Hoque, Muneer Abdul Rab, Mualimin Mochammad Sahid dan Yuslina Mohamed 2018, “Maḥattāt Fī Ḥayāt al-Muḥaddith al-Mālīzī al-Shaykh Muḥammad Idrīs al-Marbawī wa Atharuhu al-‘Ilmiyyah”, *Journal of Hadis Studies* 3, no. 1, 88. Shamsuddin Yabi & Munir ‘Ali ‘Abdurrah (2017), “Waqafāt Manhajiyah fī Ḥayāh al-Muḥaddith al-Mālīzī al-Shaykh Muḥammad Idrīs al-Marbawī wa Atharuh al-‘Ilmiyyah.” Makalah, *Proceeding of the 2nd INHAD International Muzakarah & Mu‘tamar on Hadis 2016, 15th November 2017, Hadis Research Institute (Institut Kajian Hadis-INHAD)*, International Islamic University College Selangor, Bandar Seri Putra, Malaysia, 12.

⁷ Faisal Ahmad Shah 2007, *Metodologi Penulisan Mohamed Idris al-Marbawi*, 457. Mohd Solleh Ab Razak 2022, “Manhaj *Mukhtalif al-Ḥadīth* Oleh al-Marbawi Dalam *Baḥr al-Mādhī Li Sharḥ al-Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*”, tesis kedoktoran, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 278.

⁸ Al-‘Āmūdī, ‘Abdullāh Walīd Muḥammad 2023, “*Mukhtalif al-Ḥadīth ‘Inda al-Imām al-Tirmidhī fī Kitābihi al-Jāmi‘: Jam‘ wa Dirāsah Muqāranah*,” tesis sarjana, al-Jāmi‘ah al-Islāmiyyah bi Ghazzah, 2.

⁹ Mohd Solleh Ab Razak & Roshimah Shamsudin (2023), Tertib Manhaj Penyelesaian *Mukhtalif al-Ḥadīth* Menurut al-Marbawi dalam *Baḥr Al-Mādhī. Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam; International Journal of Islamic Studies*, 45 (1). pp. 275-292. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2023-4501-23>, 279.

¹⁰ Mohd Solleh Ab Razak 2022, *Manhaj Mukhtalif al-Hadis Oleh al-Marbawi*, 302-303.

¹¹ *Ibid*, 327-328.

¹² Mohd Nor Adzhar Ibrahim, Mohammad Naqib Hamdan, Mohd Khairulnazrin Mohd Nasir & Muhammad Sobri Faisal 2023, Analisis Kritikan ‘Azwu Karya al-Munabbihat kepada Ibn Hajar al-‘Asqalani, *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 45 (Isu Khas). <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2023-45IK-03>

Muslim, Jāmi‘ al-Tirmidhī dan *Bulūgh al-Marām*.¹³ Oleh yang demikian, kajian ini menetapkan objektif untuk mengkaji latar belakang dan perkembangan pengajian ilmu al-Marbawi dalam ilmu *mukhtalif al-ḥadīth*. Kajian ini merangkumi perkembangan pengajian ilmu secara umum dan secara khusus berkaitan ilmu *mukhtalif al-ḥadīth*.

METODOLOGI

Artikel ini adalah berbentuk kualitatif dengan mengaplikasikan kaedah kajian kepustakaan melalui reka bentuk analisis kandungan dalam proses pengumpulan data-data berkaitan perkembangan pengajian ilmu *mukhtalif al-ḥadīth* oleh al-Marbawi. Pengkaji mengumpulkan pelbagai sumber berkaitan perkembangan pengajian umum dan pengajian khusus al-Marbawi dalam ilmu *mukhtalif al-ḥadīth*. Kemudian, data-data yang diperolehi daripada pelbagai sumber primer dan sekunder dianalisis berdasarkan kaedah induktif dan deduktif agar dapat menghasilkan satu analisis kesimpulan secara menyeluruh terhadap perkembangan pengajian ilmu al-Marbawi sejak dari kecil sehingga menjadi tokoh besar dalam ilmu ini.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pengenalan *Mukhtalif al-Ḥadīth*

Perkataan *mukhtalif* merupakan bentuk *ism fā‘il* (kata nama pelaku) yang diambil daripada kata kerja *ikhtalafa*. Kata dasar bagi perkataan ini ialah tiga huruf iaitu *kha-lam-fa*. Antonimnya ialah *al-ittifāq* (persepakatan).¹⁴ Menurut Ibn Fāris (w. 395H), perkataan *khalafa* mempunyai tiga elemen utama iaitu: sesuatu yang datang selepas sesuatu lalu menggantikan kedudukannya, menggantikan perkara yang sebelumnya dan perubahan.¹⁵ Ibn Manẓūr (w. 711H) pula berpandangan ia merupakan dua perkara yang saling bercanggah dan tidak bersepakat. Oleh itu, setiap perkara yang tidak sama, maka ia bercanggah.¹⁶

Dari sudut istilah pula, para *muhaddithīn* mengemukakan definisi yang berbeza-beza, namun definisinya hampir sama antara satu sama lain dengan wujudnya sedikit penambahan atau pengurangan. Tokoh pertama yang membincangkan definisi *mukhtalif al-ḥadīth* dan menulis ilmu *mukhtalif al-ḥadīth* ialah al-Shāfi‘ī (w. 204H).¹⁷ Melalui karya *Ikhtilāf al-Ḥadīth*, al-Shāfi‘ī (w. 204H) mengemukakan sebagaimana berikut:

“Tidak harus kita jadikan dua hadis daripada Rasulullah SAW itu bercanggah buat selama-lamanya apabila didapati kaedah untuk kedua-duanya diamalkan, maka kita tidak boleh membatalkan salah satu hadis daripada dua hadis itu, kerana kewajipan kita berpegang teguh dengan semua hadis-hadis tersebut. Oleh itu, tidak harus kita jadikan percanggahan melainkan pada perkara yang tidak harus diamalkan buat selama-lamanya. Jika tidak, kita mesti menolak dakwaan percanggahan.”¹⁸

Melalui kitab *al-Risālah* pula, beliau menyatakan:

¹³ Mohd Solleh Ab Razak 2024, “Ketokohan Al-Marbawi Dalam Penulisan Karya Syarahan Hadis”, E-Proceeding The 9th International Conference on Nabawi Heritage (SWAN 2024) FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia, 6-7 November 2024, 86.

¹⁴ Al-Fayyūmī, Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Alī 2016, *Al-Miṣbāḥ al-Munīr fī Gharīb al-Sharḥ al-Kabīr li al-Rāfi‘ī*, Beirut: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah, 1:179.

¹⁵ Ibn Fāris, Abū al-Ḥasan Aḥmad bin Fāris 1979, *Mu‘jam Maqāyīs al-Lughah*, ed. ‘Abd al-Salām Muḥammad Hārūn, Kaherah: Dar al-Fikr, 2:210.

¹⁶ Ibn Manẓūr, Muḥammad bin Mukram 1414H, *Lisan al-‘Arab*, Beirut: Dar al-Sadir, 9:82.

¹⁷ Al-Suyuti, Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman bin Abi Bakr 1979, *Tadrib al-Rawi fī Sharḥ Taqrib al-Nawawi*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2: 196. Al-Dusari, Sa‘d Fajhan 2011, *Qawa‘id Raf‘ al-Ikhtilāf fī al-Hadis al-Nabawi*, Beirut: Muassasah al-Risalah, 24.

¹⁸ Al-Shafi‘ī, Muhammad bin Idris 2011, “*Ikhtilāf al-Ḥadīth*,” dalam *al-Umm*, ed. Dr. Rif‘at Fawzi ‘Abd al-Muttalib, Beirut: Dar Ibn Hazm, 10: 272.

“Sesungguhnya tidak dinamakan dua hadis sebagai bercanggah selagi mana kedua-duanya wujud persamaan yang akan menyatukannya. Sebaliknya, yang dinamakan percanggahan ialah hadis yang tidak dapat disatukan melainkan menggugurkan hadis yang lainnya. Seumpama dua hadis dalam satu perkara; hadis ini menghalalkannya dan hadis ini pula mengharamkannya.”¹⁹

Definisi pertama yang dikemukakan oleh al-Shāfi‘ī menunjukkan bahawa *mukhtalif al-ḥadīth* ialah hadis yang bercanggah dengan hadis yang lain, namun mampu dileraikan percanggahan tersebut sehingga kedua-dua hadis tersebut mampu diamalkan dan tiada hadis yang ditinggalkan. Definisi kedua pula menjelaskan bahawa *mukhtalif al-ḥadīth* ialah hadis yang bercanggah sehingga memerlukan salah satu daripada dua hadis digugurkan iaitu tidak diamalkannya. Hal ini disebabkan percanggahan antara hadis-hadis yang tidak dapat dileraikan. Berpandukan dua definisi tersebut, al-Shāfi‘ī mengisytarkan terdapat dua jenis percanggahan antara hadis iaitu percanggahan yang mampu dileraikan dan diamalkan kesemua hadis tersebut, serta percanggahan yang memerlukan salah satu hadis digugurkan.

Seterusnya al-Hākim (w. 405H) mendefinisikan *mukhtalif al-ḥadīth* sebagai satu ilmu yang membincangkan hadis yang bercanggah dengan hadis. Tambahan itu, kedudukan hadis tersebut adalah sama daripada sudut ke-*ṣaḥīḥ*-an dan ke-*ḍa‘īf*-annya. Dalam keadaan ini, para ulama menyelesaikan percanggahan tersebut dengan menerima hujahan daripada salah satu daripada hadis-hadis yang bercanggah tersebut.²⁰

Berdasarkan kedua-dua definisi tersebut, pengkaji mendapati kedua-duanya saling melengkapi antara satu sama lain. Bahkan definisi yang dikemukakan di atas diluaskan perbincangannya oleh para *mūḥaddithīn* selepas daripada mereka. Oleh itu, berdasarkan dasar yang dikemukakan oleh al-Shāfi‘ī (w. 204 H), Ibn al-Ṣalāḥ (w. 643H) membahagikan *mukhtalif al-ḥadīth* kepada dua bahagian:

- i. Sesuatu yang berkemungkinan boleh diharmonikan secara *al-jam‘* antara dua hadis yang berselisih.
- ii. Sesuatu yang bercanggah sehingga tidak mampu diharmonikan antara kedua-dua hadis tersebut. Lalu diaplikasikan penyelesaian berdasarkan *al-naskh* dan *al-tarjīḥ*.²¹

Berbeza dengan al-Nawawī (w. 676H), beliau mengemukakan definisi yang lebih jelas sebagaimana berikut:

“Dua hadis yang bercanggah pada maknanya secara zahir, lalu diharmonikan antara kedua-duanya atau dikuatkan salah satunya.”²²

Menurut al-Nawawī, beliau meletakkan tiga aspek utama dalam *mukhtalif al-ḥadīth* iaitu hadis yang bercanggah, percanggahan berlaku secara zahir dan hadis-hadis tersebut dapat diharmonikan atau dikuatkan salah satunya. Berdasarkan definisi ini, ramai daripada kalangan *mūḥaddithīn* yang menerima dan menerapkan dalam karya-karya mereka seperti Ibn Jamā‘ah²³ (w. 733H), al-Tibrizī²⁴ (w. 746), al-

¹⁹ Al-Shafi‘i, Muhammad bin Idris 2005, *Al-Risalah*, ed. Ahmad Muhammad Shakir, Kaheerah: Maktabah al-Shuruq al-Dawliyah, 370.

²⁰ Al-Hakim, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin ‘Abd Allah 1977, *Ma‘rifah ‘Ulum al-Hadis*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 122.

²¹ Ibn al-Salah, Abu ‘Amru ‘Uthman bin ‘Abd al-Rahman al-Shahrazuri 2010, *Muqaddimah Ibn al-Salah*, Kaheerah: Dar al-Hadis, 262-263.

²² Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf 1985, *Al-Taqrīb wa al-Taysir li Ma‘rifah Sunan al-Bashir wa al-Nadhir*, ed. Muhammad ‘Uthman al-Khasyat, Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi, 90.

²³ Ibn Jama‘ah, Muhammad bin Ibrahim 1404H, *Al-Manhal al-Rawi fi Mukhtasar ‘Ulum al-Hadis al-Nabawi*, ed. Dr. Mahyuddin ‘Abd al-Rahman Ramadan, Dimasyq: Dar al-Fikr, 60.

²⁴ Al-Tibrizī; Abu al-Hasan ‘Ali bin Abi Muhammad ‘Abdullah 2008, *Al-Kafi fi ‘Ulum al-Hadis*, ed. Abu ‘Ubaydah Mashhur bin Hasan Ali Salman, ‘Amman: al-Dar al-Athariyyah, 298.

‘Irāqī²⁵ (w. 806H), al-Suyūṭī²⁶ (w. 911H) dan lain-lain. Demikian juga para pengkaji moden seperti Nāfidh Ḥusayn Ḥammād.²⁷

Akhirnya, pengkaji menyimpulkan definisi yang lebih komprehensif berkaitan ilmu *mukhtalif al-ḥadīth* iaitu salah satu cabang ilmu hadis yang membincangkan hadis *maqbul* yang bercanggah dengan hadis yang seumpamanya dengan percanggahan secara zahir sahaja.²⁸ Dalam wacana hadis kontemporari, *mukhtalif al-ḥadīth* disepakati sebagai salah satu aspek kajian yang perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum kajian lanjut bersifat istinbat dijalankan.²⁹

Latar Belakang al-Marbawi

Nama lengkap al-Marbawi ialah Mohamed³⁰ Idris bin Abdul Raof bin Ja’far bin Idris.³¹ Di dalam karya-karya beliau, nama Mohamed Idris Abdul Raof al-Marbawi al-Azhari (محمد إدريس عبد الرؤوف المريني الأزهرى) sering digunakan.³² Namun secara panggilannya, beliau lebih dikenali dengan nama Syeikh al-Marbawi.³³ Al-Marbawi merupakan gelaran yang disandarkan kepada kampung asal keluarganya iaitu Lubuk Merbau yang terletak kira-kira 10 km dari bandar Kuala Kangsar, Perak.³⁴ Selain gelaran al-Marbawi, beliau turut menisbahkan dirinya sebagai al-Azhari sempena Universiti al-Azhar, Mesir yang menjadi tempat pendidikan peringkat tinggi beliau.

Berhubung tempat kelahiran al-Marbawi, para pengkaji bersepakat beliau dilahirkan di Kampung Masfalah, Makkah.³⁵ Hal ini selari dengan kenyataan yang terdapat dalam *Kamus al-Marbawi*.³⁶ Sekalipun para pengkaji bersependapat bahawa al-Marbawi dilahirkan pada bulan Zulkaedah 1313H,³⁷ namun mereka berselisih pendapat dalam menentukan tarikh secara tepat. Pandangan pertama menyatakan beliau dilahirkan pada 1 November 1895M³⁸ dan pandangan kedua pada 12 Mei 1896M

²⁵ Al-‘Iraqi, Abu al-Fadl ‘Abd al-Rahim bin Husayn 2002, *Sharh al-Tabsirah wa al-Tadhkirah*, ed. Mahir Yasin al-Fahl dan ‘Abd al-Latif al-Hamim, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2:108.

²⁶ Al-Suyuti, *Tadrib al-Rawi*, 2:196.

²⁷ Nafidh Husayn Hammad 2009, *Mukhtalif al-Hadis Bayna al-Fuqaha’ wa al-Muhaddithin*, Qatar: Wizarah al-Awqaf wa al-Shuun al-Islamiyyah, 17.

²⁸ Mohd Solleh Ab Razak, *Manhaj Mukhtalif al-Ḥadīth Oleh al-Marbawi*, 54.

²⁹ Mohd Nor Adzhar Ibrahim & Roshimah Shamsudin 2020, Konsep Hadith Mawdu’i Menurut Perspektif Pengkaji Hadith Kontemporari: Antara Dirasah Al-Mawdu’Iyyah Min Al-Hadith Dan Syarah Al-Mawdu’i Li Al-Hadith. *Ma’ālim Al-Qur’ān Wa Al-Sunnah*, 16 (1):15-34. <https://doi.org/10.33102/jmq.v16i1.213>

³⁰ Menurut Ismail Mat Ludin, ejaan sebenar nama beliau adalah Mohamed dan bukannya Muhammad seperti yang ditulis oleh kebanyakan penulis. Ejaan ini adalah sepertimana yang telah tercatat di dalam kad pengenalan beliau yang disimpan di Pusat Islam Malaysia (yang kini dikenali sebagai JAKIM). Lihat, Ismail Mat Ludin 1991, “*Sheikh Idris al-Marbawi dan Sumbangannya*”, (latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1.

³¹ Anwar Ridwan bin Zakaria 2007, “*Kitab Idangan Guru Sahih al-Bukhari wa Muslim: Satu Kajian Dari Aspek Metodologi Huraian Hadis*”, disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 91.

³² Ismail Mat Ludin, *Sheikh Idris al-Marbawi dan Sumbangannya*, 1.

³³ Sebagaimana nama syarikat penerbitan beliau di Mesir iaitu *al-Matba’ah al-Marbawiyyah* dan kamus beliau iaitu *Kamus al-Marbawi*.

³⁴ Oleh yang demikian, dakwaan bahawa al-Marbawi merupakan sandaran kepada nama keturunan beliau merupakan pandangan yang silap. Lihat, Muhd Norazam Nordin et.al. 2008, “Sumbangan Syeikh Mohamed Idris al-Marbawi Dalam Dakwah Islamiyyah Di Malaysia,” *Jurnal Maw’izah* (Jilid 1 2008), 17.

³⁵ Tajuddin Saman 1993, *Tokoh Ulama Nusantara*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., 78. Mustafa Abdullah 2009, *Khazanah Tafsir Di Malaysia*, Bentong: Book Pro Publishing Service, 83. Muhammad Mustaqim Mohd Zarif 2003. “The Bahr al-Madhi of Sheikh Muhammad Idris al-Marbawi: a Preliminary Analysis,” *Ulum Islamiyyah: Malaysian Journal of Islamic Sciences*, vol. 2(1), 2003, 61-80.

³⁶ Al-Marbawi, Mohamed Idris bin Abd al-Raof t.t., *Kamus Idris al-Marbawi Arabi-Melayu*, Kuala Lumpur: Dar al-Fikr, 292.

³⁷ Abdullah al-Qari 2009, *Tuk Kenali Penggerak Ummah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 77. Anwar Ridwan Zakaria, *Kitab Idangan Guru*, 88.

³⁸ Surat yang ditulis oleh Dato’ Ahmad Shahir untuk Ustaz Haji Abdullah al-Qari bertarikh 18 Jun 1966. Pada awalnya Ustaz Abdullah al-Qari menulis dahulu dan kemudian meminta kepada Dato’ Ahmad Shahir untuk

iaitu bersamaan 28 Zulkaedah 1313 Hijrah.³⁹ Walaupun demikian, pandangan yang disepakati adalah beliau lahir pada bulan Zulkaedah 1313H, maka pengkaji berpendapat 1 November 1895 tidak tepat kerana ia bukan bulan Zulkaedah 1313H, sebaliknya Jamadil Awal 1313H. Oleh yang demikian, bulan Zulkaedah 1313H pula bertepatan dengan 12 Mei 1896M.⁴⁰ Oleh itu, kelahiran al-Marbawi pada 12 Mei 1896M merupakan pandangan yang lebih tepat sejajar dengan tarikh yang tertulis pada Kamus al-Marbawi.⁴¹

Al-Marbawi meninggal dunia pada 13 Oktober 1989, jam 8.30 pagi di Hospital Besar Ipoh, Perak ketika berusia 93 tahun. Beliau dimasukkan ke hospital tersebut selama 28 hari sebelum meninggal dunia kerana sakit tua. Jenazah beliau dikebumikan di Perkuburan Islam Lubuk Merbau, Kuala Kangsar. Beliau dikebumikan bersebelahan dengan kubur isteri pertamanya yang meninggal dunia lima bulan sebelum beliau. Kematian al-Marbawi merupakan satu kehilangan buat umat Islam kerana banyak jasa beliau dalam kajian hadis.

Perkembangan Pengajian Umum al-Marbawi

Al-Marbawi dibesarkan dalam keluarga yang berpegang teguh dengan prinsip agama Islam dan nilai-nilai Islam. Bapa beliau berasal daripada keturunan Minangkabau, Sumatera merupakan syeikh haji, iaitu pembimbing jemaah haji ke Makkah. Ibunya bernama Asma' binti Abdul Karim bin Dasah, berasal dari Kota Lama Kiri, Kuala Kangsar. Beliau merupakan isteri pertama bapanya.⁴² Setelah berkahwin, bapanya membawa ibunya ke Makkah untuk menunaikan fardu haji dan menuntut ilmu. Mereka menetap di kampung Masfalah yang berhampiran Masjid al-Haram. Mereka tinggal di Makkah sebelum al-Marbawi dilahirkan lagi dan terus tinggal di Masfalah sehingga tahun 1902H, iaitu ketika al-Marbawi berumur 10 tahun.⁴³

Ibu bapa al-Marbawi begitu peka terhadap pendidikan agama anak-anak mereka. Semua adik beradik al-Marbawi menyambung pendidikan agama sehingga ke Mesir melainkan Haji Tahir dan Haji Abdullah disebabkan kematian pada usia muda. Walau bagaimanapun, mereka tetap berkesempatan mendapat pendidikan agama melalui sistem pondok di Pattani dan Tanah Melayu.⁴⁴ Oleh yang demikian, penglibatan al-Marbawi dalam pengajian Islam secara umumnya lahir daripada didikan dan dorongan bapa beliau.

Bersumberkan pengalaman luas dan sering bermusafir ke Makkah, bapa beliau menjadi faktor penting dalam membimbing anak-anaknya berjaya dalam bidang pengajian Islam. Hal ini dibuktikan apabila anak-anaknya berjaya menyambung pengajian pada peringkat tinggi di Mesir dan berkhidmat kepada masyarakat dalam urusan agama Islam. Situasi ini sekaligus mempengaruhi dan mencorakkan kehidupan al-Marbawi dalam dunia ilmu. Bahkan atas faktor kepekaan ibu bapa beliau, ia menjadi

menemuramah Syeikh Idris al-Marbawi yang ketika itu berada di Mesir. Lihat, Monika @ Munirah Abd Razzak, et.al. 2011, "Sumbangan Syeikh Idris al-Marbawi Dalam Memartabatkan al-Quran dan al-Sunnah: Tumpuan Kitab Tafsir Surah Yasin," *Seminar Serantau Pengajian Usuluddin Di Institusi Pengajian Tinggi Abad 21: Cabaran Dan Prospek*. Brunei: Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, 3.

³⁹ Al-Marbawi, *Kamus Idris al-Marbawi Arabi-Melayu*, 292. Anwar Ridwan Zakaria, *Kitab Idangan Guru*, 88.

⁴⁰ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, dicapai 4 Disember 2024, <https://www.e-solat.gov.my/index.php?siteId=27&pageId=39>.

⁴¹ Al-Marbawi, *Kamus al-Marbawi*, 292.

⁴² Fauzi Deraman, Ishak Hj Suliaman & Faisal Ahmad Shah 2010, *Pengajian Hadis Di Malaysia: Tokoh - Karya - Institusi*, Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 38. Faisal Ahmad Shah, *Biografi Ulama Malaysia Mohamed Idris al-Marbawi*, 2.

⁴³ Faisal Ahmad Shah, *Biografi Ulama Malaysia Mohamed Idris al-Marbawi*, 2.

⁴⁴ Nor Azlida Aziz 2010, "Metodologi Pentafsiran Sheikh Muhammad Idris al-Marbawi Dalam Kitab Tafsir *Quran Marbawi*," tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 17.

faktor terbesar kejayaan al-Marbawi sehingga diiktiraf sebagai salah seorang ulama besar di Perak dan di Malaysia secara am.⁴⁵

Pada usia empat tahun, al-Marbawi sudah mampu membaca dan mula menghafaz al-Quran.⁴⁶ Apabila usia beliau menginjak enam tahun, beliau dihantar ke sekolah Masfalah di Kota Makkah yang terletak berhampiran dengan rumahnya. Di sekolah tersebut beliau memperlihatkan komitmen yang tinggi dalam hafazan al-Quran. Dengan keistimewaan dan kekuatan hafazan, beliau berjaya menghafaz 16 juzuk al-Quran ketika umurnya 10 tahun.⁴⁷ Selain menghafaz al-Quran, beliau turut menghafaz kitab-kitab ilmu syariah seperti kitab *al-Dam*, *Matan al-Ājurrūmiyyah* dan lain-lain.⁴⁸ Ketika itu juga, beliau turut mempelajari ilmu-ilmu asas syariah dan bahasa Arab.⁴⁹ Di sekolah tersebut, beliau berkesempatan menuntut ilmu selama empat tahun sahaja dan menamatkan pengajiannya pada umur 10 tahun.⁵⁰

Berdasarkan perkembangan ini, al-Marbawi telah didedahkan dengan asas ilmu syariat dan bahasa Arab sejak daripada kecil lagi. Pendedahan ini menjadi asas penting untuk perkembangan pendidikan bagi peringkat seterusnya. Tambahan pula, pendedahan bahasa Arab menjadi pemudah cara untuk beliau mendalami ilmu-ilmu syariah dengan lebih mendalam. Bahkan, beliau bukan sekadar mempelajari bahasa Arab secara teori dan tatabahasa sahaja, malah menjadi bahasa pertuturan beliau sejak kecil lagi, di samping bahasa ibunda iaitu bahasa Melayu.

Pada tahun 1902, keluarga al-Marbawi mengambil keputusan untuk kembali ke Tanah Melayu dan menetap di Lubuk Merbau, Kuala Kangsar, Perak. Oleh yang demikian, beliau meneruskan pendidikannya di Sekolah Melayu Lubuk Merbau⁵¹ ketika berusia 11 tahun dan menamatkan pengajiannya sehingga lulus darjah lima pada usia 15 tahun.⁵² Di sini, rata-rata anak-anak Melayu sekadar diberi pendidikan untuk melengkapkan keperluan tenaga manusia diperingkat rendah iaitu memenuhi keperluan pekerjaan seperti petani, buruh, guru, polis atau *peon* di kampung halaman masing-masing.⁵³ Oleh yang demikian, pengajian ilmu di sekolah ini tidak memberi nilai tambah terhadap perkembangan pengajian ilmu syariah untuk al-Marbawi.

Setelah itu, al-Marbawi melanjutkan pengajiannya di Pondok Syeikh Wan Muhammad yang terletak di Bukit Candan, Kuala Kangsar, Perak. Syeikh Wan Muhammad bin Wan Hussain merupakan Mufti Perak pada waktu itu.⁵⁴ Orientasi pengajian di pondok tersebut lebih menekankan aspek hafalan.⁵⁵ Di pondok ini, al-Marbawi telah menghabiskan tiga tahun untuk mendalami ilmu agama di bawah seliaan

⁴⁵ Hal ini dapat diperhatikan apabila bapa al-Marbawi mendesak beliau agar meneruskan pendidikan di Universiti al-Azhar, Mesir. Lihat, Mohammad Redzuan Othman 1994, *“The Middle Eastern Influence on The Development of Religious and Political Thought in Malay Society 1880-1940”*, tesis kedoktoran, University Edinburgh, 229.

⁴⁶ Ismail Mat Ludin, *Sheikh Idris al-Marbawi dan Sumbangannya*, 7.

⁴⁷ Al-Marbawi tidak mengkhawatirkan hafazan al-Quran beliau di Makkah disebabkan keluarga beliau mengambil keputusan untuk pulang ke tanah air. Peristiwa ini berlaku pada tahun 1902. Lihat, Ismail Mat Ludin, *Sheikh Idris al-Marbawi dan Sumbangannya*, 7.

⁴⁸ Tajuddin Saman, *Tokoh Ulama Nusantara*, 78.

⁴⁹ Al-Marbawi, *Kamus al-Marbawi*, 292.

⁵⁰ Ismail Mat Ludin, *Sheikh Idris al-Marbawi dan Sumbangannya*, 7.

⁵¹ Nama sekolah tersebut kemudiannya ditukar kepada nama Sekolah Kebangsaan Syeikh Mohd Idris al-Marbawi sebagai mengenang jasa dan sumbangan beliau kepada umat Islam. Lihat, Mustafa Abdullah, *Khazanah Tafsir Di Malaysia*, 84.

⁵² Abdul Salam Muhamad Shukri 2003, “Al-Sheikh Dr. Muhammad Idris al-Marbawi’s Contribution to Islamic Studies In The Malay World,” dalam *Monograph On Selected Malay Intellectuals*, ed. Mohamad @ Md. Som Sujimon. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia, 87-112.

⁵³ Suhanim binti Abdullah 2002, *“Sistem Pendidikan Tradisional Dalam Peradaban Melayu: Satu Analisis,”* tesis sarjana, Universiti Malaya, 108.

⁵⁴ Ismail Che Daud 2001, *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Tanah Melayu*, Kelantan: Majlis Agama Islam Kelantan, 652-656.

⁵⁵ Fauzi Deraman, Ishak Hj Sulieman & Faisal Ahmad Shah, *Pengajian Hadis Di Malaysia*, 38.

Syeikh Wan Muhammad.⁵⁶ Bermulanya pengajian beliau di pondok ini, ia merupakan satu kesinambungan pengajian Islam yang pernah beliau lalui ketika berada di Makkah.

Al-Marbawi meneruskan lagi perjalanan pengajian beliau ke Pondok Tuan Hussain Nasir Kedah di Kedah. Nama penuh beliau ialah Hussain Nasir bin Muhammad Taib al-Mas'udi al-Banjari yang lebih dikenali sebagai Tuan Hussain Kedah. Beliau merupakan antara ulama Kedah yang terkemuka dan termasyhur pada awal abad ke-20 Masihi.⁵⁷ Menurut Faisal Ahmad Shah, sistem pendidikan di pondok ini begitu intensif dan bersifat menyeluruh. Hal ini secara tidak langsung mendorong al-Marbawi untuk meneruskan pengajian ilmu Islam dengan lebih mendalam.⁵⁸ Dorongan ini diperteguhkan lagi dengan ketekunan dan kesungguhan Tuan Hussain Kedah yang bukan sekadar mengajar kitab, bahkan merupakan seorang ulama yang produktif dalam penghasilan pelbagai karya berkaitan ilmu syariat. Hal ini dibuktikan melalui 19 buah kitab yang berjaya dihasilkan meliputi pelbagai bidang seperti fikah, usuluddin, tasawuf, hadis dan pengetahuan umum yang berorientasikan pemikiran syariat.⁵⁹

Setelah beberapa tahun di Pondok Tuan Hussain Kedah,⁶⁰ al-Marbawi meneruskan pengajian ilmu di Pondok Syeikh Ahmad Fatani di Padang Lalang Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Pengajian di sini berlangsung selama empat tahun.⁶¹ Pengkaji tidak menemui butiran terperinci berkaitan pengajian al-Marbawi di pondok ini.

Pada tahun 1919, al-Marbawi telah merantau jauh ke negeri Kelantan untuk menuntut ilmu di Pondok Tok Kenali, Kelantan.⁶² Ketika di pondok tersebut, beliau lebih menumpukan pengajian dalam ilmu-ilmu *naḥw* dan tatabahasa Arab. Hal ini demikian kerana Tok Kenali merupakan tokoh besar yang telah berjaya membawa kemunculan pengajian tatabahasa Arab, *naḥw*, *ṣarf*, *balāghah* dan *'aruḍ* dalam sistem pengajian pondok pada masa itu.⁶³ Kelebihan ini telah dimanfaatkan oleh al-Marbawi sehingga beliau berjaya mengkhatakamkan kitab-kitab *naḥw* dan *ṣarf* seperti *Matan al-Ājurrūmiyyah*, *al-Mutamimah*, *Qaṭr al-Nadā*, *Shudhūr al-Dhahab*, *Sharḥ Ibn 'Aqīl* dan *Ishmunī* sepanjang empat tahun beliau berada di pondok tersebut.⁶⁴ Selain berjaya mengkhatakamkan pengajian kitab-kitab tersebut, beliau juga berjaya menghafal *Matan al-Ājurrūmiyyah*, *Qaṭr al-Nadā* dan kitab-kitab popular yang lain sebagaimana penguasaannya dalam ilmu fikah, hadis, akidah, bahasa Arab dan ilmu-ilmu lain.⁶⁵

Pada tahun 1923, al-Marbawi terpaksa menamatkan pengajiannya di Pondok Tok Kenali setelah beliau menerima berita bahawa bapanya membawa ibu tirinya ke Makkah dan meninggalkan ibunya di

⁵⁶ Tajuddin Saman, *Tokoh Ulama Nusantara*, 78. Faisal Ahmad Shah, *Biografi Ulama Malaysia Mohamed Idris al-Marbawi*, 5.

⁵⁷ Latifah Abdul Majid 2019, *The Hadiss as a Tool For Religious, Political & Sicial Teaching in the Malay Peninsula*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 47-49. Muhammad Mustaqim bin Mohd Zarif 2018, "Ketokohan Tuan Hussain Kedah Dalam Bidang Hadis", makalah, Majlis Bicara Karya Biografi Ulama Malaysia: Tuan Hussain Kedah, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka di Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) Kedah, 18 September 2018, 1.

⁵⁸ Faisal Ahmad Shah, *Biografi Ulama Malaysia Mohamed Idris al-Marbawi*, 5.

⁵⁹ Tunku Zainol Abidin 1983, *Negeri Kedah Darulaman*, Kedah: Perpustakaan Negeri Kedah, 131. Ahmad Yumni Abu Bakar et al. 2016, *Tuan Hussain Kedah: Penggiat Sistem Pondok di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 70-71. Shukri Ahmad 2001, "Pendekatan Karya Ulama Tradisional Di Kedah: Tumpuan Kepada Karya-Karya Jawi Tuan Guru Haji Abu Bakar Palestin, Hanafiah Taib Al-Qadhi (1908-1998m)," *Jurnal Usuluddin* 13, 30 Jun 2001, 99-100. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/4009/1884>

⁶⁰ Pengkaji tidak menemui tempoh tahun pengajian al-Marbawi di Pondok Tuan Hussain Kedah di dalam catatan para pengkaji sebelum daripada ini. Namun pengkaji menjangkakan beliau meluahkan masa lebih kurang lima tahun di pondok tersebut berdasarkan tempoh masa tiga tahun beliau belajar di Pondok Syeikh Wan Muhammad (1906-1909) dan empat tahun di Pondok Ahmad Fatani (1915-1919). Oleh yang demikian, beliau belajar di pondok Tuan Husaain Kedah pada tahun 1910 hingga 1915.

⁶¹ Tajuddin Saman, *Tokoh Ulama Nusantara*, 78.

⁶² Faisal Ahmad Shah, *Biografi Ulama Malaysia Mohamed Idris al-Marbawi*, 5-6.

⁶³ Ismail Yusuf 1995, "Perkembangan Penulisan dan Terjemahan Kitab-Kitab Tafsir di Malaysia," *Jurnal Islamiyyat* 16, 22. <https://journalarticle.ukm.my/7634/1/3958-9047-1-SM.pdf>

⁶⁴ Faisal Ahmad Shah, *Biografi Ulama Malaysia Mohamed Idris al-Marbawi*, 6-7.

⁶⁵ Risalah Sambutan Perayaan 100 tahun pengasasan Sekolah Kebangsaan Lubuk Merbau, Kuala Kangsar, 1991M.

kampung. Disebabkan faktor tersebut, beliau mengambil keputusan untuk pulang ke Lubuk Merbau bersama adik dan bapa saudaranya.⁶⁶ Kepulangan beliau dari Pondok Tok Kenali turut bermaksud terhentilah perjalanan beliau menuntut ilmu di Tanah Melayu.

Setelah berada di Lubuk Merbau, al-Marbawi memulakan kerjayanya sebagai guru agama bertauliah daripada Kerajaan Negeri Perak dan ditugaskan di Sekolah al-Quran Lubuk Merbau.⁶⁷ Disebabkan ketinggian ilmu, beliau semakin dikenali dalam masyarakat dan ulama-ulama semasa sehingga beliau dilantik menjadi Guru Pelawat Agama bagi menyelia sekolah-sekolah al-Quran di daerah Kuala Kangsar.⁶⁸

Pada 1924, al-Marbawi telah menunaikan hasrat bapanya agar beliau menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi di Mesir.⁶⁹ Oleh itu, pada bulan Mac 1924, beliau mendaftarkan diri sebagai pelajar di Universiti al-Azhar, Mesir.⁷⁰ Salah sebuah institusi yang sering dianggap sebagai pusat ilmu pengetahuan dan tamadun.⁷¹ Bahkan sehingga kini, Universiti al-Azhar sering dianggap sebagai *Manārah al-‘Ilmi* (menara ilmu) dan *Ka‘bah al-‘Ilmi* (kiblat bagi ilmu).⁷²

Ketika berada di Mesir, beliau telah mengikuti dua sistem pengajian secara serentak iaitu pengajian formal di Universiti al-Azhar dan pengajian tidak formal di kelas-kelas pengajian *talaqqī* yang diadakan di masjid-masjid sekitar al-Azhar. Walaupun sistem pengajian di Universiti al-Azhar begitu sukar, berbekalkan kesungguhan dan ketekunan pengajian di Universiti al-Azhar dan kelas pengajian *talaqqī*, akhirnya al-Marbawi berjaya mendapat *Shahādah ‘Āliyyah* daripada Universiti al-Azhar. Bahkan beliau merupakan antara pelajar terawal yang mendapat *shahādah* tersebut.⁷³ Pada peringkat ini, pengkaji berpandangan ia merupakan peringkat kematangan ilmu yang dicapai oleh al-Marbawi dalam menguasai ilmu-ilmu syariat. Gabungan antara pengajian di universiti dan pengajian *talaqqī* di masjid-masjid telah mengukuhkan keilmuan dan penguasaan al-Marbawi terhadap ilmu-ilmu syariat.

Setelah tamat pengajian di Universiti al-Azhar, al-Marbawi tidak segera pulang ke Tanah Melayu, sebaliknya terus menetap di Kaherah, Mesir. Beliau hanya pulang ke Tanah Melayu pada tahun 1967. Oleh yang demikian, beliau dianggap sebagai pelajar Melayu yang mempunyai pengalaman yang luas tentang keadaan di Mesir dan pembelajaran di Universiti al-Azhar.⁷⁴

Perkembangan Pengajian Khusus al-Marbawi dalam Ilmu *Mukhtalif al-Ḥadīth*

Secara asasnya, perbincangan ilmu-ilmu berkaitan *‘ulūm al-ḥadīth* masih mengalami perkembangan hingga ke zaman ini.⁷⁵ Walau bagaimanapun, perkembangan pengajian hadis di Malaysia, termasuk di pondok-pondok sedikit ketinggalan berbanding perkembangan ilmu-ilmu syariat yang lain. Hal ini disebabkan penulisan karya hadis yang tidak diberi perhatian yang sewajarnya oleh intitusi-institusi

⁶⁶ Faisal Ahmad Shah, *Biografi Ulama Malaysia Mohamed Idris al-Marbawi*, 7.

⁶⁷ Tajuddin Saman, *Tokoh Ulama Nusantara*, 78.

⁶⁸ Ismail Mat Ludin, *Sheikh Idris al-Marbawi dan Sumbangannya*, 67.

⁶⁹ Mohammad Redzuan Othman, *The Middle Eastern Influence*, 229. Faisal Ahmad Shah, *Biografi Ulama Malaysia Mohamed Idris al-Marbawi*, 8.

⁷⁰ Faisal Ahmad Shah, *Biografi Ulama Malaysia Mohamed Idris al-Marbawi*, 8.

⁷¹ Mona Abaza 1993, *Changing Images of Three Generations of Azharites in Indonesia*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 8-9.

⁷² Mona Abaza 1991, "Some Research Notes on Living Conditions and Perceptions Among Indonesian Students in Cairo", *Journal of Southeast Asian Studies*, (vol. 22, no. 2, 1991), 335. <https://www.cambridge.org/core/journals/journal-of-southeast-asian-studies/article/abs/some-research-notes-on-living-conditions-and-perceptions-among-indonesian-students-in-cairo/DED236DDBA37D52D52BD1BFE00EAE576#access-block>

⁷³ Tajuddin Saman, *Tokoh Ulama Nusantara*, 80. Fauzi Deraman, Ishak Hj Suliaman & Faisal Ahmad Shah, *Pengajian Hadis Di Malaysia*, 40.

⁷⁴ Abu Hanifah Haris 2019. *Pengaruh Mesir Terhadap Masyarakat Melayu 1906-1970: Daripada al-Imam Sehingga Kebangkitan Semula Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 108.

⁷⁵ Mohd Nor Adzhar Ibrahim & Roshimah Shamsudin (2019), Konsep al-Taṣnīf al-Mawḍū‘ī dan Peranannya dalam Perbincangan Ḥadīth Mawḍū‘ī, *Jurnal Usuluddin*, 47(2): 65-92. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol47no2.3>,

pendidikan pada masa tersebut jika dibandingkan dengan ilmu syariat yang lain.⁷⁶ Hal ini demikian kerana sistem pengajian pondok di Tanah Melayu dan Patani lebih mementingkan sistem hafalan, termasuklah dalam pengajian hadis.⁷⁷ Tambahan itu, pengajian hadis lebih tertumpu kepada pemahaman hadis untuk dijadikan hujah atau keterangan sesuatu hukum.⁷⁸ Berpunca daripada faktor ini, pengajian hadis pada zaman ini tidak memberi tumpuan terhadap perbincangan ilmu-ilmu hadis yang lebih luas seperti ilmu *riwāyah* dan ilmu *dirāyah*.

Sekalipun demikian, al-Marbawi berkesempatan untuk mempelajari hadis dengan Tuan Hussain Kedah.⁷⁹ Antara keistimewaan Tuan Hussain Kedah ialah beliau merupakan seorang ulama yang memberi tumpuan kepada ilmu hadis dalam pengajiannya. Menurut Muhammad Mustaqim, Tuan Hussain Kedah merupakan antara ulama tempatan terawal yang menterjemahkan karya hadis primer ke dalam bahasa Melayu.⁸⁰ Karya yang dimaksudkan ialah *Tadhkīr Qabāil al-Qādī fī Tarjamah Jawāhir al-Bukhārī*. Karya ini merupakan karya terjemahan daripada kitab *Jawāhir al-Bukhārī* oleh Mustafā Muḥammad ‘Imārah. Karya ini mengandungi 700 hadis pilihan daripada *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* yang disertakan ulasan ringkas yang disaring daripada *Sharḥ al-Qaṣṭalānī*. Oleh yang demikian, karya terjemahannya ini menjadi bukti kesungguhannya beliau mengembangkan pengajian hadis di Tanah Melayu.

Menurut Muhammad Mustaqim lagi, ketokohan Tuan Hussain Kedah dalam bidang hadis terserlah dalam beberapa aspek seperti: Pertama, penegasan terhadap kedudukan dan peranan hadis dalam kerangka syariat Islam sebagai sumber kedua yang paling berautoriti selepas al-Quran. Kedua, pemahaman nas hadis bukan secara *ḥarfīyyah* semata-mata, sebaliknya dikaitkan dengan konteks tiga cabang utama agama iaitu akidah, fikah dan tasawuf. Ketiga, mengutamakan penggunaan hadis *ṣaḥīḥ* dan berautoriti daripada sumber-sumber yang muktabar.⁸¹

Berdasarkan ketiga-tiga aspek tersebut, pengkaji mendapati al-Marbawi mengaplikasikannya dalam karya-karya beliau. Berhubung aspek pertama, al-Marbawi menegaskan hal tersebut sebagaimana berikut:

“*Hadis* atau *Sunnah* itu: ialah persabdaan Nabi dan kelakuannya dan akuanya. Maka persabdaan Nabi itu menjadi hujah dan dalil dengan tiada syak. Ada pun kelakuannya, maka padanya *tafsīl*. Iaitu: jika ada ia *qurbah* dan menunjuk satu dalil atas tertentu dengan dia maka iaitu zahir. Dan jika menunjuk satu dalil atasnya ditanggungkan dia atas wajib atau sunat pada dirinya *ṣallallāhu ‘alayhi wa sallam*. Atau *tawaqquf* daripadanya hingga berdiri atasnya dalil. Dan jika bukannya *qurbah* dan tiada menunjuk ia atas tertentu dengan dia maka iaitu ditanggung atas harusnya. *Taqrīr* ertinya akuan Nabi atas perkataan atau perbuatan yang telah berlaku di hadapannya itu menjadi satu hujah dan dalil begitu juga apa-apa yang diperbuat pada masa hayatnya dan diketahui Nabi akan dia suruh diam ia. Maka iaitu menjadi satu hujah juga.”⁸²

⁷⁶ Fauzi Deraman, Ishak Hj Suliaman & Faisal Ahmad Shah, *Pengajian Hadis Di Malaysia*, 1.

⁷⁷ Mohd Zainodin Mustaffa et.al 2017, “Sejarah Pengajian Pondok Dan Tokoh Ulama: Kajian Di Daerah Besut, Terengganu Darul Iman.” *Proceeding Of 2nd International Islamic Heritage Conference (Ishc 2017)*, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (Acis), Universiti Teknologi Mara Cawangan Melaka, 48. Arba'iyah Mohd Noor 2008, “Perkembangan Pendidikan Islam Di Kelantan,” *Jurnal Malaysia Dari Segi Sejarah (Malaysia In History)*, Persatuan Sejarah Malaysia, vol. 36, 73. Abdullah Ishak 1995, *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 56.

⁷⁸ Qutrennada Rosli & Ahmad Yunus Mohd Noor 2015, “Pengajaran dan Pembelajaran Hadis di Maahad Darul Hadis Alor Setar, Kedah: Tinjauan Awal,” makalah, Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI), UKM, 2015, 8 Disember 2015, 131.

⁷⁹ Ahmad Yumni Abu Bakar et al., *Tuan Hussain Kedah*, 169.

⁸⁰ Muhammad Mustaqim, *Ketokohan Tuan Hussain Kedah Dalam Bidang Hadis*, 7.

⁸¹ *Ibid.*, 17.

⁸² Al-Marbawi, (t.t.), *Kitab Perbendaharaan Ilmu Kurun 14*. Kaherah: al-Matba‘ah al-Marbawīyyah, 3:22.

Penegasan di atas menjelaskan hadis merupakan dalil dan hujah dalam penentuan hukum syariat. Al-Marbawi turut menjelaskan dengan lebih terperinci berkaitan hadis Rasulullah SAW yang terdiri daripada perbuatan, perkataan dan pengakuan.

Berhubung aspek kedua pula, al-Marbawi melebarkan pemahanan hadis berdasarkan *fiqh al-ḥadīth* yang merangkumi ketiga-tiga ilmu tersebut.⁸³ Manakala aspek ketiga, al-Marbawi telah menterjemahkan dan menghuraikan karya-karya hadis yang muhtabar seperti *Idangan Guru Ṣaḥīḥ al-Bukhārī wa Muslim* daripada karya *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Baḥr al-Mādhī li Sharḥ al-Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī* daripada karya *Jāmi' al-Tirmidhī* dan *Bulūgh al-Marām* Serta Terjemahan Melayu daripada karya *Bulūgh al-Marām*. Selain itu, apabila al-Marbawi memilih hadis-hadis untuk dimasukkan kedalam *Baḥr al-Mādhī*, beliau hanya mengambil hadis *ṣaḥīḥ* yang dinyatakan oleh al-Tirmidhī dan beliau tidak memilih hadis *da'īf* melainkan apabila ketiadaan hadis *ṣaḥīḥ* dalam sesuatu bab.⁸⁴ Hal ini menunjukkan keutamaan beliau dalam penggunaan hadis *ṣaḥīḥ* dan berautoriti.

Oleh yang demikian, pengajian al-Marbawi pada fasa ini banyak mempengaruhi al-Marbawi untuk meneruskan pengajian hadis dengan lebih mendalam. Sekalipun pengajian hadis pada fasa ini tidak menyeluruh dan tidak menyentuh secara langsung semua cabang ilmu hadis, termasuk *mukhtalif al-ḥadīth*, namun ia menjadi asas penting dalam meletakkan al-Marbawi pada kedudukan yang kukuh untuk berinteraksi dengan hadis dan *mukhtalif al-ḥadīth*. Berdasarkan faktor inilah, pengkaji beranggapan pengajian al-Marbawi di Pondok Tuan Hussain Kedah ini merupakan fasa awal al-Marbawi dalam pengajian hadis dan *mukhtalif al-ḥadīth*.

Seterusnya, pemergian al-Marbawi ke Mesir pada bulan Mac 1924M mengukuhkan lagi penguasaan ilmu Islam. Hal ini merupakan satu kelaziman bagi kebanyakan pelajar Melayu yang menjadikan Universiti al-Azhar, Mesir sebagai pusat pengajian lanjutan.⁸⁵ Hal ini dikuatkan lagi dengan dua sistem pengajian yang boleh disertai oleh para pelajar ketika berada di Mesir iaitu sistem pangajian formal di Universiti al-Azhar dan sistem pengajian tidak formal yang diikuti di masjid-masjid di sekitar Kaherah.

Sistem pengajian formal di Universiti al-Azhar dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu *ulī* (rendah), *thanawī* (menengah) dan *'alī* (tinggi). Bagi setiap peringkat tersebut, tempoh pengajiannya memakan masa selama empat tahun. Setelah mendapat *Shahādah 'Āliyah* (ijazah yang melayakkan pemegangnya termasuk dalam kalangan ulama al-Azhar), barulah para pelajar dibenarkan menyambung pengajiannya di peringkat *takhsīs* (pengkhususan atau sarjana). Sistem ini telah diperkenalkan sejak tahun 1871 lagi.⁸⁶ Oleh yang demikian, al-Marbawi mengikuti sistem pembelajaran ini ketika beliau berada di Universiti al-Azhar. Sistem ini merupakan sistem lama (*nizām al-qadīm*) yang mana peperiksaannya dijalankan secara lisan, bukannya secara bertulis.⁸⁷

Selain itu, Universiti al-Azhar mempunyai kurikulum dan sistem peperiksaan yang tersendiri. Mengikut sistem tersebut, setiap pelajar mesti lulus dalam semua mata pelajaran yang diambil pada tahun tersebut. Sekiranya pelajar gagal tidak lebih daripada tiga mata pelajaran, pelajar tersebut dibenarkan mengambil semula peperiksaan dua bulan kemudian (*dawr al-thānī*). Namun, pelajar tersebut tidak dibenarkan meneruskan pengajian pada tahun berikutnya sehingga lulus dalam semua mata pelajaran yang diambil dalam peperiksaan ulangan tersebut. Walau bagaimanapun, sekiranya pelajar tersebut masih lagi gagal dalam peperiksaan ulangan tersebut (*dawr al-thānī*) sekalipun satu mata pelajaran sahaja, maka pelajar tersebut terpaksa mengulangi keseluruhan mata pelajaran tahun tersebut.⁸⁸ Sistem yang dijalankan ini

⁸³ Faisal Ahmad Shah, *Biografi Ulama Malaysia Mohamed Idris al-Marbawi*, 148-162, 183-204, 249. Khadher bin Ahmad, Sedek bin Ariffin dan Munirah @ Monika Abdul Razak, *Kejuhudan Sheikh Idris al-Marbawi*, 4.

⁸⁴ Faisal Ahmad Shah, *Biografi Ulama Malaysia Mohamed Idris al-Marbawi*, 115-118.

⁸⁵ Abu Hanifah Haris, *Pengaruh Mesir Terhadap Masyarakat Melayu*, 97.

⁸⁶ *Ibid.*, 110.

⁸⁷ Mohammad Redzuan Othman, *The Middle Eastern Influence*, 230. Md. Sidin Ahmad Ishak & Mohammad Redzuan Othman 2000, *The Malays In The Middle East: With A Bibliography Of Malay Printed Works Published In The Middle East*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press, 55.

⁸⁸ Wan Mokhtar Ahmad 2008, *Muzakkirah: Sebuah Autobiografi Suku Abad Menerajui Kerajaan Terengganu*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 15. Abu Hanifah Haris, *Pengaruh Mesir Terhadap Masyarakat Melayu*, 111.

begitu sukar sekali berbanding dengan pusat pengajian yang lain. Sekalipun sukar, al-Marbawi tetap mencapai kejayaan bagi melayakkannya mendapat *Shahādah ‘Āliyyah*. Bahkan beliau merupakan antara pelajar terawal yang mendapat *shahādah* tersebut.⁸⁹

Semasa di Universiti al-Azhar, al-Marbawi telah mempelajari pelbagai ilmu-ilmu Islam yang merangkumi ilmu akidah, tafsir, hadis, fikah, Bahasa Arab, *‘ulūm al-Qur’ān*, *‘ulūm al-ḥadīth*, *uṣūl al-fiqh*, *qawā‘id al-fiqh* dan lain-lain lagi.⁹⁰ Sukatan mata pelajaran bagi mata pelajaran hadis pula memfokuskan kepada karya-karya ulama. Antara karya-karya tersebut ialah *Arba‘īn al-Nawawīyyah*, *‘Umdah al-Aḥkām*, *Mukhtaṣar al-Bukhārī* oleh al-Zabīdī dan syarahnya, *al-Muwatta’*, *Bulūgh al-Marām*, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan al-Tirmidhī*, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ* dan syarahnya, *Sunan al-Bayhaqī*, *Mu‘jam al-Ṭabarani*, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, *Mustadrak al-Ḥākim* dan lain-lain.⁹¹ Berdasarkan sukatan matapelajaran hadis tersebut, pengkaji mendapati seseorang yang menjalani pengajian pada peringkat ini telah mempelajari dan mendalami karya-karya utama dalam bidang pengajian hadis. Oleh itu, pengajian ini mampu meluaskan lagi pengetahuan dan kefahaman al-Marbawi berkaitan hadis dan karya-karya utama dalam pengajian hadis.

Manakala bagi mata pelajaran *‘ulūm al-ḥadīth* pula, pengajian tersebut memfokuskan kepada karya-karya utama seperti *al-Bayqūniyyah* dan syarahnya, *Nukhbah al-Fikar* dan syarahnya, *Muqaddimah Ibn al-Ṣalāh*, *al-Taqrīb* dan syarahnya, *Alfiyah al-‘Irāqī* dan syarahnya dan *Alfiyah al-Suyūfī* dan syarahnya.⁹² Berdasarkan sukatan matapelajaran *‘ulūm al-ḥadīth* ini, pengkaji berpandangan pengajian pada peringkat ini merangkumi karya-karya utama *‘ulūm al-ḥadīth*, namun pendedahan terhadap karya-karya yang membincangkan secara terperinci berkaitan ilmu ini kurang diberi perhatian secara mendalam. Oleh yang demikian, silibus pengajian hadis dan *‘ulūm al-ḥadīth* di Universiti al-Azhar secara khusus memperlihatkan ketokohan beliau dalam bidang hadis.

Selain pendidikan formal di Universiti al-Azhar, al-Marbawi turut mengikuti pengajian secara tidak formal di masjid-masjid di sekitar Kaherah. Antara kelas yang diikuti oleh al-Marbawi ialah kelas *talaqqī* hadis yang dipimpin oleh al-Samālūtī atau nama penuhnya Muḥammad bin Ibrāhīm bin ‘Alī al-Ḥumaydī al-Samālūtī al-Miṣrī al-Mālikī al-Azharī yang merupakan salah seorang Ahli Lembaga Tertinggi Ulama al-Azhar dan merupakan ulama hadis yang masyhur di Kaherah, Mesir sekitar tahun 1920-an.⁹³ Lebih daripada itu, al-Marbawi sendiri memuji gurunya di dalam karya beliau sebagaimana berikut:

“Kepada aku tiap-tiap kali mengaji dan mengadap guruku *ḥaḍrah ṣāhib al-faḍīlah mawlānā murabbi arwāḥanā al-ustādh al-akbar*: al-Shaykh Muḥammad Ibrāhīm al-Samālūtī *min hay-ah kibār ‘ulamā’ al-Azhar al-Sharīf* guru hadis yang masyhur mengajar berpuluh-puluh tahun di Jāmi‘ Sayyidinā Ḥusayn (cucu Rasulullah) di kota Qāhirah (Mesir) dekat *Azhar al-Sharīf*, sudahlah aku berasa minum madu, dengan kerana itulah bersungguh aku tiap-tiap pagi pergi menerima padanya dengan ketiadaan luku... Kepada dengan beberapa banyak ulama yang mendapat *shahādah* tinggi dan rendah. Dan beberapa ratus murid Azhar.”⁹⁴

Kenyataan di atas menunjukkan pujian terhadap ketinggian ilmu al-Samālūtī dalam bidang hadis dan beliau merupakan seorang *muḥaddith* yang masyhur. Beliau telah mengajar di Jāmi‘ Sayyidinā Ḥusayn selama berpuluh-puluh tahun lamanya. Dengan ketinggian ilmu beliau, ramai kalangan ulama dan penuntut ilmu yang menghadiri majlis dan mendapatkan sanad beliau. Bahkan Aḥmad ‘Umar Hāshim

⁸⁹ Tajuddin Saman, *Tokoh Ulama Nusantara*, 80. Fauzi Deraman, Ishak Hj Suliaman & Faisal Ahmad Shah, *Pengajian Hadis Di Malaysia*, 40.

⁹⁰ Adhi Maftuhin 2018, *Sanad Ulama Nusantara*, Bogor: Sahifa Publishing, 14-17.

⁹¹ *Ibid.*, 14.

⁹² *Ibid.*, 15.

⁹³ Wawancara yang ditulis oleh Dato’ Ahmad Shahir pada Ustaz Haji Abdullah al-Qari, 18 Jun 1966. Lihat, Monika @ Munirah Abd Razzak et.al., *Sumbangan Syekh Idris al-Marbawi*, 3.

⁹⁴ Al-Marbawi 1933, *Baḥr al-Mādhī Sharḥ Mukhtasar Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh, 1:2.

menyatakan al-Samālūṭī memiliki pelbagai sanad ilmu hadis dan rangkaian sanad beliau bertemu dengan al-Bukhārī.⁹⁵

Sepanjang tempoh pengajian al-Marbawi bersama al-Samālūṭī, pengkaji mendapati al-Marbawi berkesempatan mempelajari dua buah kitab utama dalam bidang hadis iaitu *Ṣaḥīḥ Muslim* dan *Jāmi' al-Tirmidhī*. Beliau terlebih dahulu mempelajari *Ṣaḥīḥ Muslim* dan kemudiannya *Jāmi' al-Tirmidhī*. Hal ini dinyatakan secara jelas tatkala beliau menceritakan perjalanan pengajian *Jāmi' al-Tirmidhī* sebagaimana berikut:

“Kepada aku tiap-tiap kali mengaji dan mengadap guruku *ḥaḍrah ṣāḥib al-faḍīlah mawlānā murabbi arwāḥanā al-ustādh al-akbar*: al-Shaykh Muḥammad Ibrāhīm al-Samālūṭī... Iaitu kemudian daripada khatam mengaji *Ṣaḥīḥ Muslim*.”⁹⁶

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa al-Marbawi bukan sekadar mempelajari kitab *Jāmi' al-Tirmidhī*, malah beliau terlebih dahulu mempelajari kitab *Ṣaḥīḥ Muslim* daripada al-Samālūṭī. Kesungguhan dan ketekunan al-Marbawi mengikuti pengajian bersama al-Samālūṭī ini khususnya pengajian kitab *Jāmi' al-Tirmidhī* terbukti apabila setiap kali beliau pulang daripada kelas pengajian, beliau akan membuat catatan tentang hasil pengajian beliau bersama al-Samālūṭī. Hal ini dinyatakan secara jelas oleh al-Marbawi sendiri sebagaimana berikut:

“Kemudian manakala aku pulang ke rumah tiadalah lagi berpaling melainkan aku jalankan batang *qalam* aku di pipi *saḥīfah-saḥīfah* sebagaimana yang aku ingat dan aku faham daripadanya.”⁹⁷

Lebih daripada itu, al-Marbawi bukan sekadar menulis ilmu dan maklumat yang diperolehi daripada kelas pengajian sahaja, bahkan beliau turut membuat catatan tambahan dengan merujuk kepada kitab-kitab yang lain.⁹⁸ Dari sini beliau menyusun syarahan hadis berdasarkan pandangan ulama *salaf al-ṣāliḥ* yang lain seperti al-Shāfi'ī, al-Nawawī, al-Qaṣṭalānī, Ibn al-'Arabī dan lain-lain.⁹⁹ Bersumberkan inspirasi daripada guru beliau jugalah yang mendorong beliau menelaah kitab tersebut sebanyak tujuh kali.¹⁰⁰ Bahkan beliau menghabiskan masa selama sepuluh tahun untuk menterjemah dan menghuraikan *Jāmi' al-Tirmidhī* ke dalam bahasa Melayu sehingga lahirnya kitab yang berjudul *Baḥr al-Mādhi*.¹⁰¹

Di samping pengajian dua karya utama hadis yang dipelajari oleh al-Marbawi secara menyeluruh berdasarkan sistem *talaqqī*, beliau turut mendalami cabang-cabang ilmu hadis yang lain bersama al-Samālūṭī. Antara cabang tersebut ialah ilmu *mukhtalif al-ḥadīth*. Hal ini demikian kerana perbincangan tersebut merupakan sebahagian daripada perbincangan yang dibincangkan dalam kedua-dua karya tersebut.¹⁰² Menurut Manṣūr bin 'Abd al-Raḥmān al-'Aqīl, perbincangan berkaitan *mukhtalif al-ḥadīth* di dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* merupakan satu perbincangan pengajian hadis yang penting, yang mana beliau menemui sebanyak 111 permasalahan daripada 23 bab yang membincangkan *mukhtalif al-ḥadīth* dalam

⁹⁵ Ahmad 'Umar Hashim t.t., *Al-Muhaddithun fi Misr wa al-Azhar wa Dawruhūm fi Ihya' al-Sunnah al-Nabawiyyah al-Sharifah*, Kaherah: Maktabah Gharib, 378.

⁹⁶ Al-Marbawi, *Baḥr al-Madhi*, 1:2.

⁹⁷ *Ibid.*, 1:3.

⁹⁸ Abdul Salam Muhamad Shukri, *Al-Sheikh Dr. Muhammad Idris al-Marbawi's Contribution to Islamic Studies*, 87-112.

⁹⁹ Al-Marbawi, *Baḥr al-Madhi*, 1:3.

¹⁰⁰ *Ibid.*, 87-112.

¹⁰¹ *Ibid.*

¹⁰² Hal ini terbukti apabila terdapat kajian khusus *mukhtalif al-ḥadīth* terhadap *Jāmi' al-Tirmidhi* dan *Saḥīh Muslim*. Lihat, Al-'Amudi, 'Abdullah Walid Muhammad 2018, “*Mukhtalif al-ḥadīth 'Inda al-Imam al-Tirmidhi fi Kitabihi al-Jāmi': Jam' wa Dirasah Muqaranah*”, tesis sarjana, al-Jāmi'ah al-Islamiyyah bi Ghazzah. Mansur bin 'Abd al-Rahman al-'Aqil 2006, “*Mukhtalif al-Hadis 'Inda al-Imam al-Nawawi min Khilal Sharhihi 'ala Saḥīh Muslim: Jam' wa Dirasah Muqaranah*”, tesis sarjana, Jāmi'ah Umm al-Qura, Sa'udi.

karya tersebut berdasarkan huraian al-Nawawī.¹⁰³ Demikian juga dalam kitab *Jāmi' al-Tirmidhī*, 'Abdullāh Walīd Muḥammad al-'Amūdī menyatakan bahawa terdapat sebanyak 82 permasalahan berkaitan *mukhtalif al-ḥadīth* dalam *Jāmi' al-Tirmidhī*.¹⁰⁴

Selain al-Samālūtī, al-Marbawi turut mempelajari ilmu hadis daripada Muḥammad 'Alī al-Mālikī. Nama beliau dicatatkan oleh al-Marbawi dalam mukadimah kitab *Bulūgh al-Marām Serta Terjemahan Melayu*.¹⁰⁵ Al-Marbawi menggelarkan beliau sebagai *al-'Allāmah al-Makkī al-Shaykh*.¹⁰⁶ Beliau merupakan seorang ilmuan yang mahir dalam ilmu hadis dan fikah. Berhubung hal ini, al-Marbawi menukulkan pandangan beliau berkaitan interaksi antara ilmu fikah dan hadis sebagaimana berikut:

“Dan sesungguhnya telah jatuh setengah daripada orang-orang awam di dalam kebinasaan yang besar. Iaitu jadi ia tiada pedulikan perkataan-perkataan orang-orang yang *mujtahid* dan segala ikutan mereka daripada ulama, dan mentafsirkan ia akan segala ayat Quran dan hadis-hadis dengan fikiran sendiri sebelum ia mengetahui perkataan imam yang masyhur dengan ilmu dan makrifat dan *itqān*, serta bahawasanya tiada harus mentafsirkan suatu daripada segala ayat dan hadis-hadis itu dengan fikiran sendirian, dan tiada harus ditanggungkan dia atas segala makna yang tiada dinaskan atasnya oleh imam-imam yang terbilang, sebagaimana mengkhabarkan dia oleh guruku *al-'Allāmah al-Makkī al-Shaykh* Muḥammad 'Alī al-Mālikī.”¹⁰⁷

Kenyataan di atas menunjukkan interaksi antara hadis dan fikah dalam memahami nas-nas syarak terutamanya hadis. Bahkan penekanan yang diberikan terhadap pandangan-pandangan ilmuan Islam yang *mujtahid* sebagaimana yang dilakukan oleh *al-Tirmidhī* dalam kitabnya. Bimbingan daripada Muḥammad 'Alī al-Mālikī ini penting agar al-Marbawi mempunyai manhaj berinteraksi dengan hadis secara tepat dan sejahtera.

Selain itu, al-Marbawi turut berguru dengan Yūsuf al-Hāwī yang merupakan seorang yang mahir dalam pelbagai bidang ilmu Islam. Namun beliau lebih dikenali sebagai ulama hadis dan fikah.¹⁰⁸ Walaupun demikian, pengkaji tidak menjumpai maklumat yang lebih terperinci berkaitan diri beliau dan pengaruh beliau terhadap al-Marbawi daripada aspek pengajian hadis dan *mukhtalif al-ḥadīth*.

KESIMPULAN

Perkembangan pengajian ilmu al-Marbawi bermula dari rumah lagi. Beliau dibesarkan dalam keluarga yang berpegang teguh dengan agama Islam dan mementingkan pendidikan agama Islam. Justeru, beliau sudah mampu membaca dan mula menghafaz al-Quran seawal empat tahun dan bersekolah di Masfalah, Makkah untuk menghafaz al-Quran dan kitab-kitab ilmu syariah tatkala berumur enam tahun. Setelah itu, beliau menyambung pengajiannya di Malaysia dengan dimulakan bersekolah di Sekolah Melayu Lubuk Merbau, Kuala Kangsar, Perak. Kemudian meneruskan pengajian di Pondok Syeikh Wan Muhammad di Bukit Candan, Kuala Kangsar, Perak, Pondok Tuan Hussain Nasir Kedah di Kedah, Pondok Syeikh Ahmad Fatani di Padang Lalang Bukit Mertajam, Pulau Pinang dan akhirnya di Pondok Tok Kenali, Kelantan. Perkembangan pengajian al-Marbawi diteruskan sehingga menyambung pengajian di Universiti al-Azhar, Mesir.

¹⁰³ Mansur bin 'Abd al-Rahman al-'Aqil 2006, “*Mukhtalif al-Hadis 'Inda al-Imam al-Nawawi min Khilal Sharhihi 'ala Sahih Muslim: Jam' wa Dirasah Muqaranah*.” Tesis sarjana, Jami'ah Umm al-Qura, Sa'udi, 368-373.

¹⁰⁴ Al-'Amudi, *Mukhtalif al-Ḥadīth 'Inda al-Imam al-Tirmidhi*, 407-415.

¹⁰⁵ Al-Marbawi, Mohamed Idris bin 'Abd al-Raof 2013, *Bulugh al-Maram Serta Terjemahan Melayu*, Kaherah: Dar Ibn Kathir, j.

¹⁰⁶ *Ibid.*

¹⁰⁷ *Ibid.*

¹⁰⁸ Haziyah Hussin, Latifah Abdul Majid, Nor Syamimi Mohd, Wan Nasyruddin Wan Abdullah dan Sabri Mohamad 2016, “Pemikiran Tafsir Sheikh Mohamed Idris al-Marbawi dalam Manuskrip Al-Quran Bergantung Makna Melayu,” *Jurnal al-Turath*, (vol. 1, 2016), 26. <https://journalarticle.ukm.my/13540/1/4-10-2-PB.pdf>

Terdapat beberapa tokoh besar yang mempengaruhi ketokohan al-Marbawi dalam ilmu *mukhtalif al-ḥadīth*, antaranya ialah Tuan Hussain Kedah yang merupakan guru pertama al-Marbawi dalam pengajian hadis. Bahkan beliau merupakan antara ulama tempatan terawal yang menterjemahkan karya hadis primer ke dalam bahasa Melayu. Tokoh kedua yang paling mempengaruhi al-Marbawi ialah Muḥammad bin Ibrāhīm al-Samālūfī. Daripada beliau, al-Marbawi berkesempatan mempelajari dua buah kitab utama hadis iaitu *Ṣaḥīḥ Muslim* dan *Jāmi' al-Tirmidhī*. Pengaruh beliau terbukti apabila setiap kali al-Marbawi pulang daripada kelas pengajian beliau, al-Marbawi akan membuat catatan berkaitan hasil pengajian dan menyusun huraian-huraian hadis yang dipelajari berdasarkan pandangan para ulama *salaf al-ṣāliḥ* seperti al-Shāfi'ī, al-Nawawī, al-Qaṣṭalānī, Ibn al-'Arabī dan lain-lain sehingga terhasilnya karya *Baḥr al-Mādhī*. Demikian juga, al-Marbawi turut dipengaruhi oleh gurunya yang bernama Muḥammad 'Alī al-Mālikī dan Yūsuf al-Ḥāwī.

Sesungguhnya ketokohan al-Marbawi dalam ilmu *mukhtalif al-ḥadīth* semakin terserlah apabila beliau berjaya menerbitkan tiga karya utama dalam bidang hadis yang turut memfokuskan ilmu *mukhtalif al-ḥadīth* iaitu *Baḥr al-Mādhī Sharḥ Mukhtasar Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*, *Kitab Idangan Guru Sahih al-Bukhari wa Muslim* dan *Bulūgh al-Marām Serta Terjemahan Melayu*. Semoga ketokohan dan karya yang dihasilkan ini memberi manfaat besar kepada umat Islam dalam memahami hadis dan menyelesaikan percanggahan antara hadis berdasarkan ilmu *mukhtalif al-ḥadīth*.

RUJUKAN

- Abdul Salam Muhammad Shukri (2003), "Al-Sheikh Dr. Muhammad Idris al-Marbawi's Contribution to Islamic Studies In The Malay World," dalam *Monograph On Selected Malay Intellectuals*, ed. Mohamad @ Md. Som Sujimon. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.
- Abdullah Ishak (1995), *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Hanifah Haris (2019). *Pengaruh Mesir Terhadap Masyarakat Melayu 1906-1970: Daripada al-Imam Sehingga Kebangkitan Semula Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Adhi Maftuhin (2018), *Sanad Ulama Nusantara*, Bogor: Sahifa Publishing.
- Ahmad 'Umar Hashim (t.t.), *Al-Muhaddithun fi Misr wa al-Azhar wa Dawruhum fi Ihya' al-Sunnah al-Nabawiyyah al-Sharifah*, Kaherah: Maktabah Gharib.
- Ahmad Yumni Abu Bakar et al. (2016), *Tuan Hussain Kedah: Penggiat Sistem Pondok di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-'Amudi, 'Abdullah Walid Muhammad (2018), "*Mukhtalif al-Ḥadīth 'Inda al-Imam al-Tirmidhi fi Kitābihi al-Jami': Jam' wa Dirasah Muqaranah*", tesis sarjana, al-Jami'ah al-Islamiyyah bi Ghazzah.
- Al-'Amūdī, 'Abdullāh Walīd Muḥammad (2023), "*Mukhtalif al-Ḥadīth 'Inda al-Imām al-Tirmidhī fi Kitābihi al-Jāmi': Jam' wa Dirāsah Muqāranah*", tesis sarjana, al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah bi Ghazzah.
- Al-'Iraqi, Abu al-Fadl 'Abd al-Rahim bin Husayn (2002), *Sharh al-Tabsirah wa al-Tadhkirah*, ed. Mahir Yasin al-Fahl dan 'Abd al-Latif al-Hamim, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Dusari, Sa'd Fajhan (2011), *Qawa'id Raf' al-Ikhtilaf fi al-Hadis al-Nabawi*, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Fayyūmī, Aḥmad bin Muḥammad bin 'Alī (2016), *Al-Miṣbāḥ al-Munīr fi Gharīb al-Sharḥ al-Kabīr li al-Rāfi'ī*, Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah.
- Al-Hakim, Abu 'Abd Allah Muhammad bin 'Abd Allah SWT (1977), *Ma'rifah 'Ulum al-Hadis*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Marbawi (1933), *Baḥr al-Mādhi Sharḥ Mukhtasar Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh.
- Al-Marbawi, (t.t.), *Kitab Perbendaharaan Ilmu Kurun 14*. Kaherah: al-Matba'ah al-Marbawiyyah.
- Al-Marbawi, Mohamed Idris bin 'Abd al-Raof (2013), *Bulugh al-Maram Serta Terjemahan Melayu*, Kaherah: Dar Ibn Kathir.
- Al-Marbawi, Mohamed Idris bin Abd al-Raof (t.t.), *Kamus Idris al-Marbawi Arabi-Melayu*, Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf (1985), *Al-Taqrīb wa al-Taysir li Ma'rifah Sunan al-Bashir wa al-Nadhīr*, ed. Muhammad 'Uthman al-Khasyat, Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Al-Shafī'i, Muhammad bin Idris (2005), *Al-Risalah*, ed. Ahmad Muhammad Shakir, Kaherah: Maktabah al-Shuruq al-Dawliyyah.
- Al-Shafī'i, Muhammad bin Idris (2011), "*Ikhtilāf al-Ḥadīth*," dalam *al-Umm*, ed. Dr. Rif'at Fawzi 'Abd al-Muttalib, Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman bin Abi Bakr 1979, *Tadrib al-Rawi fi Sharh Taqrīb al-Nawawi*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Tibrizi, Abu al-Hasan 'Ali bin Abi Muhammad 'Abdullah (2008), *Al-Kafi fi 'Ulum al-Hadis*, ed. Abu 'Ubaydah Mashhur bin Hasan Ali Salman, 'Amman: al-Dar al-Athariyyah.
- Anwar Ridwan bin Zakaria (2007), "Kitab Idangan Guru Sahih Al-Bukhari Wa Muslim Karangan Idris al-Marbawi: Kajian Metodologi Penghuraian Hadis," tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Anwar Ridwan bin Zakaria (2007), "*Kitab Idangan Guru Sahih al-Bukhari wa Muslim: Satu Kajian Dari Aspek Metodologi Huraian Hadis*", disertasi Sarjana, Universiti Malaya.
- Arba'iyah Mohd Noor (2008), "Perkembangan Pendidikan Islam Di Kelantan," *Jurnal Malaysia Dari Segi Sejarah (Malaysia In History)*, Persatuan Sejarah Malaysia, vol. 36.
- Faisal Ahmad Shah (2007), "Metodologi penulisan Mohamed Idris al-Marbawi dalam Bahr al-Madhi." Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Faisal Ahmad Shah (2013), *Biografi Ulama Malaysia Mohamed Idris al-Marbawi Penulis Karya Agung Bahr Al-Madhi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fauzi Deraman, Ishak Hj Sulieman & Faisal Ahmad Shah (2010), *Pengajian Hadis Di Malaysia: Tokoh - Karya - Institusi*, Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Haziyah Hussin, Latifah Abdul Majid, Nor Syamimi Mohd, Wan Nasyruddin Wan Abdullah dan Sabri Mohamad (2016), "Pemikiran Tafsir Sheikh Mohamed Idris al-Marbawi dalam Manuskrip Al-Quran Bergantung Makna Melayu," *Jurnal al-Turath*, (vol. 1, 2016), 26. <https://journalarticle.ukm.my/13540/1/4-10-2-PB.pdf>
- Ibn al-Salah, Abu 'Amru 'Uthman bin 'Abd al-Rahman al-Shahrazuri (2010), *Muqaddimah Ibn al-Salah*, Kaherah: Dar al-Hadis.
- Ibn Fāris, Abū al-Ḥasan Aḥmad bin Fāris (1979), *Mu'jam Maqāyīs al-Lughah*, ed. 'Abd al-Salām Muḥammad Hārūn, Kaherah: Dar al-Fikr.
- Ibn Jama'ah, Muhammad bin Ibrahim (1404H), *Al-Manhal al-Rawi fi Mukhtasar 'Ulum al-Hadis al-Nabawi*, ed. Dr. Mahyuddin 'Abd al-Rahman Ramadan, Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukram (1414H), *Lisan al-'Arab*, (Beirut: Dar al-Sadir.
- Ismail Che Daud (2001), *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Tanah Melayu*, Kelantan: Majlis Agama Islam Kelantan.
- Ismail Mat Ludin 1991, "*Sheikh Idris al-Marbawi dan Sumbangannya*." Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Yusuf (1995), "Perkembangan Penulisan dan Terjemahan Kitab-Kitab Tafsir di Malaysia," *Jurnal Islamiyyat* 16. <https://journalarticle.ukm.my/7634/1/3958-9047-1-SM.pdf>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, dicapai 4 Disember 2024, <https://www.e-solat.gov.my/index.php?siteId=27&pageId=39>.
- Khadher bin Ahmad, Sedek bin Ariffin dan Munirah @ Monika Abdul Razak (2011), "Kejuhudan Sheikh Idris al-Marbawi Dalam Usaha Menghasilkan Tafsir Quran al-Marbawi," *Proceedings of The International Qur'anic Conference*, Universiti Malaya, 11-12 Januari 2011.
- Latifah Abdul Majid (2019), *The Hadiss as a Tool For Religious, Political & Sicial Teaching in the Malay Peninsula*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mansur bin 'Abd al-Rahman al-'Aqil (2006), "*Mukhtalif al-Hadis 'Inda al-Imam al-Nawawi min Khilal Sharhihi 'ala Sahih Muslim: Jam' wa Dirasah Muqaranah*", tesis sarjana, Jami'ah Umm al-Qura, Sa'udi.
- Mansur bin 'Abd al-Rahman al-'Aqil (2006), "*Mukhtalif al-Hadis 'Inda al-Imam al-Nawawi min Khilal Sharhihi 'ala Sahih Muslim: Jam' wa Dirasah Muqaranah*", tesis sarjana, Jami'ah Umm al-Qura, Sa'udi.
- Md. Sidin Ahmad Ishak & Mohammad Redzuan Othman (2000), *The Malays In The Middle East: With A Bibliography Of Malay Printed Works Published In The Middle East*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
- Mesbahul Hoque, Muneer Abdul Rab, Mualimin Mochammad Sahid dan Yuslina Mohamed (2018), "Maḥattāt Fī Ḥayāt al-Muḥaddith al-Mālizī al-Shaykh Muḥammad Idrīs al-Marbawī wa Atharuhu al-'Ilmiyyah", *Journal of Hadis Studies* 3, no. 1.
- Mohammad Redzuan Othman (1994), "*The Middle Eastern Influence on The Development of Religious and Political Thought in Malay Society 1880-1940*", tesis kedoktoran, University Edinburgh.
- Mohd Nor Adzhar Ibrahim & Roshimah Shamsudin (2019). Konsep al-Taṣnīf al-Mawḍū'ī dan Peranannya dalam Perbahasan Ḥadīth Mawḍū'ī. *Jurnal Usuluddin*. 47(2): 65-92. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol47no2.3>
- Mohd Nor Adzhar Ibrahim & Roshimah Shamsudin (2020). Konsep Hadith Mawdu'i Menurut Perspektif Pengkaji Hadith Kontemporari: Antara Dirasah Al-Mawdu'Iyyah Min Al-Hadith Dan Syarh Al-Mawdu'I Li Al-Hadith. *Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*. 16 (1):15-34. <https://doi.org/10.33102/jmq.v16i1.213>
- Mohd Nor Adzhar Ibrahim, Mohammad Naqib Hamdan, Mohd Khairulnazrin Mohd Nasir & Muhammad Sobri Faisal (2023). Analisis Kritikan 'Azwu Karya al-Munabbihat kepada Ibn Hajar al-'Asqalani. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 45 (Isu Khas). <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2023-45IK-03>

- Mohd Solleh Ab Razak & Roshimah Shamsudin (2021). Ketokohan Al-Marbawi: Analisis Perkembangan Pengajian Ilmu Hadis. *Abqari Journal*. 25, 1 (Sep. 2021), 170–188. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol24no2.388>.
- Mohd Solleh Ab Razak & Roshimah Shamsudin (2023), Tertib Manhaj Penyelesaian *Mukhtalif al-Hadith* Menurut al-Marbawi dalam Bahr Al-Mādhī. *Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam; International Journal of Islamic Studies*, 45 (1). pp. 275-292. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2023-4501-23>
- Mohd Solleh Ab Razak (2022), “*Manhaj Mukhtalif al-Hadith Oleh al-Marbawi Dalam Bahr al-Mādhī Li Sharh al-Mukhtasar Sahih al-Tirmidhi*”, tesis kedoktoran, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Mohd Solleh Ab Razak (2024), “*Ketokohan Al-Marbawi Dalam Penulisan Karya Syarahan Hadis*”, E-Proceeding The 9th International Conference on Nabawi Heritage (SWAN 2024) FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia, 6-7 November 2024, pp. 83-101.
- Mohd Zainodin Mustaffa et.al (2017), “Sejarah Pengajian Pondok Dan Tokoh Ulama: Kajian Di Daerah Besut, Terengganu Darul Iman.” *Proceeding Of 2nd International Islamic Heritage Conference (Ishc 2017)*, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (Acis), Universiti Teknologi Mara Cawangan Melaka.
- Mona Abaza (1991), “Some Research Notes on Living Conditions and Perceptions Among Indonesian Students in Cairo”, *Journal of Southeast Asian Studies*, (vol. 22, no. 2, 1991). <https://www.cambridge.org/core/journals/journal-of-southeast-asian-studies/article/abs/some-research-notes-on-living-conditions-and-perceptions-among-indonesian-students-in-cairo/DED236DDBA37D52D52BD1BFE00EAE576#access-block>
- Mona Abaza (1993), *Changing Images of Three Generations of Azharites in Indonesia*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Monika @ Munirah Abd Razzak, et.al. (2011), “Sumbangan Syeikh Idris al-Marbawi Dalam Memartabatkan al-Quran dan al-Sunnah: Tumpuan Kitab Tafsir Surah Yasin,” *Seminar Serantau Pengajian Usuluddin Di Institusi Pengajian Tinggi Abad 21: Cabaran Dan Prospek*. Brunei: Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali.
- Muhammad Mustaqim bin Mohd Zarif (2018), “*Ketokohan Tuan Hussain Kedah Dalam Bidang Hadis*”, makalah, Majlis Bicara Karya Biografi Ulama Malaysia: Tuan Hussain Kedah, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka di Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu’adzam Shah (UniSHAMS) Kedah, 18 September 2018.
- Muhammad Mustaqim Mohd Zarif (2003). “The Bahr al-Madhi of Sheikh Muhammad Idris al-Marbawi: a Preliminary Analysis,” *Ulum Islamiyyah: Malaysian Journal of Islamic Sciences*, vol. 2(1), 2003.
- Muhd Norazam Nordin et.al. 2008, “*Sumbangan Syeikh Mohamed Idris al-Marbawi Dalam Dakwah Islamiyyah Di Malaysia*”, *Jurnal Maw’izah* (Jilid 1 2008). <https://www.unimel.edu.my/journal/index.php/JMAW/article/view/223/193>
- Mustafa Abdullah (2009), *Khazanah Tafsir Di Malaysia*, Bentong: Book Pro Publishing Service.
- Nafidh Husayn Hammad (2009), *Mukhtalif al-Hadis Bayna al-Fuqaha’ wa al-Muhaddithin*, Qatar: Wizarah al-Awqaf wa al-Shuun al-Islamiyyah.
- Nor Azlida Aziz (2010), “*Metodologi Pentafsiran Sheikh Muhammad Idris al-Marbawi Dalam Kitab Tafsir Quran Marbawi*,” tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Qutrennada Rosli & Ahmad Yunus Mohd Noor (2015), “Pengajaran dan Pembelajaran Hadis di Maahad Darul Hadis Alor Setar, Kedah: Tinjauan Awal,” makalah, *Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI)*, UKM, 2015, 8 Disember 2015.
- Risalah Sambutan Perayaan 100 Tahun Pengasasan Sekolah Kebangsaan Lubuk Merbau, Kuala Kangsar, 1991M.
- Shamsuddin Yabi & Munir ‘Ali ‘Abdurrah (2017), “*Waqafat Manhajiyah fi Hayah al-Muhaddith al-Mālizi al-Shaykh Muhammad Idris al-Marbawi wa Atharuh al-‘Ilmiyyah*.” Makalah, *Proceeding of the 2nd INHAD International Muzakarah & Mu’tamar on Hadis 2016, 15th November 2017, Hadis Research Institute (Institut Kajian Hadis-INHAD)*, International Islamic University College Selangor, Bandar Seri Putra, Malaysia.

- Shukri Ahmad (2001), "Pendekatan Karya Ulama Tradisional Di Kedah: Tumpuan Kepada Karya-Karya Jawi Tuan Guru Haji Abu Bakar Palestin, Hanafiah Taib Al-Qadhi (1908-1998m)," *Jurnal Usuluddin* 13, 30 Jun 2001. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/4009/1884>
- Suhanim binti Abdullah (2002), "*Sistem Pendidikan Tradisional Dalam Peradaban Melayu: Satu Analisis*," tesis sarjana, Universiti Malaya.
- Tajuddin Saman (1993), *Tokoh Ulama Nusantara*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Tunku Zainol Abidin (1983), *Negeri Kedah Darulaman*, Kedah: Perpustakaan Negeri Kedah.
- Wan Mokhtar Ahmad (2008), *Muzakkirah: Sebuah Autobiografi Suku Abad Menerajui Kerajaan Terengganu*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.